

23 FEB 1999

DPMM-KONGRES

DPMM ANJUR KONGRES BERTEMA MEMPERTAHAN MARUAH DAN MARTABAT MELAYU

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Beberapa usul ke arah pembangunan masyarakat Melayu di alaf akan datang akan dirumuskan dalam satu kongres anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) pada 11 dan 12 Mac depan, kata presiden DPMM Tan Sri Tajudin Ramli, hari ini.

Kongres yang bertemakan "Mempertahankan Maruah dan Martabat Bangsa Melayu di Tengah Arus Global" akan menilai pencapaian dan kegagalan bangsa Melayu serta mengenal pasti langkah-langkah yang sesuai untuk menghadapi alaf baru, katanya.

Bercakap kepada sidang akhbar di sini, beliau berkata Sekretariat Agenda Ekonomi Melayu (SAEM) di bawah naungan DPMM akan menentukan petugas-petugas yang akan memastikan adanya susulan terhadap usul-usul itu nanti.

Resolusi kongres itu akan diserahkan kepada kerajaan, kata Tajudin sambil menambah bahawa adalah menjadi matlamat dewan untuk memastikan usul-usul itu bukan setakat dijilidkan sahaja.

Para peserta kongres akan berpeluang membincangkan empat topik utama dalam bengkel-bengkel meliputi agama, budaya, ekonomi dan pendidikan dan turut serta dalam sesi dialog bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir juga di jadual menyampaikan ucap utama dan ucapan penutup kongres tersebut.

Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin pula dijangka membentangkan kertas kerja bertajuk "Ekonomi Bangsa Melayu - Tempat dan Arahnya di Tengah Arus Dunia Global."

Peserta kongres yang dijangka seramai 1,200 orang meliputi individu, organisasi dari sektor perniagaan, awam, pertubuhan bukan kerajaan, pendidikan, media, budaya, agama dan parti-parti politik.

-- BERNAMA

AD OS